



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

*Untuk makluman:*

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

**Tarikh: 20 OGOS 2024**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR** **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## SSM rekod 591 aduan penipuan pelaburan sejak 2022

**SEREMBAN:** Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) merekodkan sebanyak 591 aduan syarikat menawarkan pelaburan secara fraud dan berkaitan penipuan pelaburan di bawah Skim Kepentingan 2016 dari 2022 sehingga Julai lalu.

Pengerusi SSM, Ahmad Sabki Yusof berkata, statistik berkenaan sekali gus menunjukkan bahawa penipuan pelaburan masih menjadi masalah serius di negara ini.

“Berdasarkan rekod SSM, sebanyak 28 kes penipuan pelaburan telah direkodkan

pada tahun 2022 manakala di bawah Skim Kepentingan 2016 adalah tiga.

“Bagi tahun 2023 pula, penipuan pelaburan yang direkodkan mencatatkan peningkatan sebanyak 320, manakala Skim Kepentingan 2016 sebanyak 46. Sementara bagi tahun ini, iaitu setakat bula Julai lalu, sebanyak 190 (penipuan pelaburan) dan empat (penipuan Skim Kepentingan 2016) direkodkan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Program

Bimbingan Usahawan (PBU) Peringkat Negeri Sembilan di sini, semalam.

Ahmad Sabki menjelaskan, Skim Kepentingan 2016 adalah penipuan dilakukan syarikat-syarikat yang mana ada sebahagian syarikat menggunakan saham keutamaan yang mana saham ditawarkan secara terbuka untuk tujuan penipuan.

“SSM justeru sedang memantau secara rapat taktik penjualan saham syarikat yang dibuat secara terbuka terbabit dan sekiranya pihak kami menerima aduan,” katanya.



**YANG** Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan, Datuk MK Ibrahim Abd. Rahman (empat, kiri) dan Ahmad Sabki (enam, kiri) beramah mesra dengan penerima sumbangan Wakalah Zakat Korporat (WZK) SSM di Seremban, semalam. - UTUSAN/NUR SHARIEZA ISMAIL

## 591 aduan syarikat berkaitan penipuan pelaburan: SSM

SEREMBAN: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menerima 591 aduan berkaitan syarikat yang menawarkan pelaburan secara penipuan dan di bawah Akta Skim Kepentingan 2016, dari tempoh 2022 hingga Julai lepas.

Pengerusi SSM Ahmad Sabki Yusof berkata statistik tinggi yang direkodkan itu menunjukkan ia merupakan masalah yang serius dan perlu ditangani secara bersepadu.

“Sebanyak 28 penipuan pelaburan dan tiga kes penipuan Skim Kepentingan 2016 dicatatkan pada 2022 dan ia naik mendadak kepada 320 kes pada tahun lepas melibatkan penipuan pelaburan, manakala Skim Kepentingan 2016 sebanyak 46 kes.

“Setakat Julai lepas pula, 190 kes penipuan pelaburan direkodkan dan empat kes penipuan Skim Kepentingan

2016,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Bimbingan Usahawan Peringkat Negeri Sembilan 2024 di sini, Isnin.

Beliau berkata, selain penipuan pelaburan pihaknya turut menerima aduan membabitkan skim sumbangan dana kebajikan.

Ahmad Sabki berkata SSM sentiasa menjalankan kerjasama erat dengan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) bagi membendung isu penipuan pelaburan yang semakin berleluasa.

Dalam pada itu, beliau berkata sebanyak 123,570 perniagaan berdaftar melalui Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) sejak ia diperkenalkan pada 2021 dan daripada jumlah itu 57,953 melibatkan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) sepenuh masa, manakala bakinya usahawan kumpulan B40.— Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN & AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 20 OGOS 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
20-Aug	MPKS keluar enam kompaun, sebuah premis diarah tutup di Saujana Utama	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1124465/mpks-keluar-enam-kompaun-sebuah-premis-diarah-tutup-di-saujana-utama">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1124465/mpks-keluar-enam-kompaun-sebuah-premis-diarah-tutup-di-saujana-utama</a>	HARINA METRO
20-Aug	Kenangan manis jahit kebaya tradisional Negeri Sembilan untuk Wan Azizah	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/680972/edisi/melaka-ns/kenangan-manis-jahit-kebaya-tradisional-negeri-sembilan-untuk-wan-azizah">https://www.sinarharian.com.my/article/680972/edisi/melaka-ns/kenangan-manis-jahit-kebaya-tradisional-negeri-sembilan-untuk-wan-azizah</a>	SINAR HARIAN
20-Aug	Kebaya Setengah Tiang: How this seamstress gets to present a Negeri Sembilan heritage to Dr Wan Azizah	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/08/19/kebaya-setengah-tiang-how-this-seamstress-gets-to-present-a-negeri-sembilan-heritage-to-dr-wan-azizah/147401">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/08/19/kebaya-setengah-tiang-how-this-seamstress-gets-to-present-a-negeri-sembilan-heritage-to-dr-wan-azizah/147401</a>	MALAY MAIL
20-Aug	Kebaya Setengah Tiang: How this seamstress gets to present a Negeri Sembilan heritage to Dr Wan Azizah	<a href="https://www.malay.news/kebaya-setengah-tiang-how-this-seamstress-gets-to-present-a-negeri-sembilan-heritage-to-dr-wan-azizah/">https://www.malay.news/kebaya-setengah-tiang-how-this-seamstress-gets-to-present-a-negeri-sembilan-heritage-to-dr-wan-azizah/</a>	MALAY NEWS
20-Aug	KPDN tumpaskan sindiket sedut gas subsidi jual kepada industri	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1286891/kpdn-tumpaskan-sindiket-sedut-gas-subsidi-jual-kepada-industri">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1286891/kpdn-tumpaskan-sindiket-sedut-gas-subsidi-jual-kepada-industri</a>	BERITA HARIAN
20-Aug	KPDN tumpas sindiket jual semula gas bersubsidi	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-tumpas-sindiket-jual-semula-gas-bersubsidi/">https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-tumpas-sindiket-jual-semula-gas-bersubsidi/</a>	BULETIN TV3
20-Aug	1,000 litres petrol seized in Lahad Datu	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/240263/1-000-litres-petrol-seized-in-lahad-datu/">https://www.dailyexpress.com.my/news/240263/1-000-litres-petrol-seized-in-lahad-datu/</a>	DAILY EXPRESS
20-Aug	Bicara kes Wan Saiful di hadapan hakim, ketua pendakwaan baharu, 22 Ogos ini	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1124591/bicara-kes-wan-saiful-di-hadapan-hakim-ketua-pendakwaan-baharu-22-ogos-ini">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1124591/bicara-kes-wan-saiful-di-hadapan-hakim-ketua-pendakwaan-baharu-22-ogos-ini</a>	HARIAN METRO

20-Aug	BICARA KES WAN SAIFUL 22 OGOS INI DI HADAPAN HAKIM DAN KETUA PENDAKWAAN BAHARU	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2330889">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2330889</a>	BERNAMA
20-Aug	Perbicaraan kes Wan Saiful sambung 22 Ogos di hadapan hakim, ketua pendakwaan baharu	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1287155/perbicaraan-kes-wan-saiful-sambung-22-ogoss-di-hadapan-hakim-ketua">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1287155/perbicaraan-kes-wan-saiful-sambung-22-ogoss-di-hadapan-hakim-ketua</a>	BERITA HARIAN
20-Aug	Hakim dan ketua pendakwaan baharu, bicara kes Wan Saiful 22 Ogos ini	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hakim-dan-ketua-pendakwaan-baharu-bicara-kes-wan-saiful-22-ogoss-ini-484179">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hakim-dan-ketua-pendakwaan-baharu-bicara-kes-wan-saiful-22-ogoss-ini-484179</a>	ASTRO AWANI
20-Aug	SSM rekod 591 aduan pelaburan fraud sejak 2022	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/08/ssm-rekod-591-aduan-pelaburan-fraud-sejak-2022/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/08/ssm-rekod-591-aduan-pelaburan-fraud-sejak-2022/</a>	UTUSAN MALAYSIA
20-Aug	SSM terima 591 aduan syarikat berkaitan penipuan pelaburan	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/19/ssm-terima-591-aduan-syarikat-berkaitan-penipuan-">https://malaysiagazette.com/2024/08/19/ssm-terima-591-aduan-syarikat-berkaitan-penipuan-</a>	MALAYSIA GAZETTE
20-Aug	SSM terima 591 aduan syarikat berkaitan penipuan pelaburan	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ssm-terima-591-aduan-syarikat-berkaitan-penipuan-pelaburan-484198">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ssm-terima-591-aduan-syarikat-berkaitan-penipuan-pelaburan-484198</a>	ASTRO AWANI
20-Aug	SSM rekod 591 aduan penipuan pelaburan sejak 2022	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/ssm-rekod-591-aduan-penipuan-pelaburan-sejak-2022">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/ssm-rekod-591-aduan-penipuan-pelaburan-sejak-2022</a>	BERITA RTM
20-Aug	SSM terima 591 aduan penipuan pelaburan sejak 2022	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/681076/berita/nasional/ssm-terima-591-aduan-penipuan-pelaburan-">https://www.sinarharian.com.my/article/681076/berita/nasional/ssm-terima-591-aduan-penipuan-pelaburan-</a>	SINAR HARIAN
20-Aug	SSM terima 591 aduan penipuan pelaburan sejak 2022	<a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/ssm-terima-591-aduan-penipuan-pelaburan-sejak-2022/">https://www.buletintv3.my/jenayah/ssm-terima-591-aduan-penipuan-pelaburan-sejak-2022/</a>	BULETIN TV3
20-Aug	SSM TERIMA 591 ADUAN SYARIKAT BERKAITAN PENIPUAN PELABURAN	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2330949">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2330949</a>	BERNAMA